

Kerajaan digesa buka kaunter awam hari Sabtu

um-14/11/2006

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Beberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) mencadangkan beberapa jabatan kerajaan yang berurusan dengan orang ramai supaya membuka kaunter pada setiap Sabtu dan waktu makan tengah hari.

Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) berkata, ia bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan jabatan kerajaan yang bercuti setiap Sabtu dan menutup operasi kaunter pada waktu makan tengah hari.

Beliau berkata, sebahagian orang ramai hanya mempunyai waktu terluang pada kedua-dua waktu itu untuk menyelesaikan urusan masing-masing dengan jabatan kerajaan.

"Kita menerima banyak komen dari seluruh negara mengatakan agak sukar berurusan dengan jabatan kerajaan terutamanya untuk

pembayaran bil, urusan pelesenan dan mendapatkan kelulusan sesuatu permohonan.

"Ini kerana (jabatan berkenaan) hanya bekerja lima hari seminggu dan ditutup pula pada waktu makan tengah hari.

"Dicadangkan beberapa jabatan seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), pejabat tanah dan daerah, jabatan pelesenan dan beberapa jabatan yang sentiasa berurusan dengan orang ramai, membuka kaunternya pada hari Sabtu dan makan tengah hari bagi memudahkan orang ramai menyelesaikan urusan," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2007 Peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Dewan Rakyat hari ini.

Cadangan tersebut turut disokong **Ahli Par-**

limen Pasir Puteh, Datuk Che Min Che Mat.

Beliau berkata, petani turut menghadapi masalah untuk menjual hasil padi kerana pada setiap Sabtu, pejabat yang berkenaan akan ditutup.

"Maka, dicadangkan supaya jabatan-jabatan ini menyediakan perkhidmatan syif kepada kakitangannya supaya waktu makan tengah hari dan hari Sabtu, kaunter boleh dibuka," katanya.

Datuk Md. Alwi Che Ahmad (BN-Ketereh) turut mengemukakan cadangan yang sama bagi memastikan kelancaran urusan dengan kaunter supaya setiap masalah dapat diatasi.

Beliau berkata, pada masa ini, jabatan kerajaan yang tertentu sentiasa menghadapi masalah permohonan tertunggak atau urusan yang tidak dapat diselesaikan.